



KENYATAAN MEDIA

KETUA PENGARAH
JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
(PERHILITAN)

25 OKTOBER 2016

ANAK BERUANG DISELAMATKAN

Susulan OPS TARING IV yang bertujuan membanteras sindiket penjualan dan penyeludupan hidupan liar terutamanya jenayah penjualan hidupan liar atas talian, satu pasukan penguatkuasa Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN bersama Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang telah melakukan serbuan dan tangkapan terhadap seorang lelaki di hadapan sebuah hotel di Kuala Lipis, Pahang pada 22 Oktober 2016, kira-kira jam 2.30 pagi.

Lelaki tersebut ditangkap kerana memiliki satu(1) ekor anak beruang tanpa permit khas. Lelaki tersebut juga telah menawarkan anak beruang tersebut di dalam Facebook untuk dijual dan memang dipantau oleh Unit Perisikan Jabatan PERHILITAN. Lelaki tersebut telah ditahan reman untuk siasatan lanjut.

Kes ini disiasat di bawah **Seksyen 69(1)** Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], iaitu memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang tanpa permit khas dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda **tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.**

Sementara itu, satu pasukan penguatkuasa Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah premis kediaman di Ampang, Selangor pada 21 Oktober 2016, kira-kira jam 6.00 petang. Hasil pemeriksaan menjumpai tujuh (7) ekor Kucing Batu. Lima (5) ekor Kucing Batu tersebut tidak mempunyai permit khas manakala terdapat dua (2) ekor Kucing Batu mempunyai permit khas


namun alamat penempatan dalam permit khas adalah berbeza dengan premis hidupan liar tersebut dijumpai. Kes ini disiasat di bawah **Seksyen 46** Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] iaitu menyimpan hidupan liar di premis lain, jika disabit kesalahan, **didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya** serta **Seksyen 68(1)** Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] yang melibatkan pemilikan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya, jika disabit kesalahan, **didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya**.

Kerajaan tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu yang didapati terlibat dan bersekongkol dengan penjenayah hidupan liar. Sehubungan ini, Jabatan PERHILITAN menasihatkan kepada mereka yang masih menyimpan atau memelihara hidupan liar secara haram agar tampil membuat serahan dan memberi kerjasama kepada Jabatan PERHILITAN.

Diharapkan juga orang ramai akan terus memberikan sokongan dan membantu menjadi mata dan telinga Jabatan PERHILITAN melalui penyaluran maklumat dalam usaha melindungi khazanah negara agar tidak diancam kepupusan. Maklumat boleh disalurkan melalui PERHILITAN Hotline 1-800-88-5151 (Isnin- Ahad, 8.00 pagi – 6.00 petang) atau e-aduan melalui laman web Jabatan www.wildlife.gov.my.

(ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM)

KETUA PENGARAH
JABATAN PERHILITAN



Gambar 1: Anak Beruang Yang Diselamatkan



Gambar 2: Screenshot Facebook Yang Menawarkan Anak Beruang



Gambar 3: Kucing Batu Yang Telah Disita Di Ampang, Selangor

***Kredit Gambar : Jabatan PERHILITAN**